

NUPW sambut baik persetujuan gaji bulanan

BH 29 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Ahad – Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW) menyambut baik persetujuan kerajaan untuk melaksanakan gaji bulanan kepada kira-kira 300,000 pekerja ladang seluruh negara.

Setiausaha Eksekutif NUPW, A Navamukundan berkata, kenyataan yang dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam membuktikan kerajaan 'sedia bekejasama dengan kesatuan dan majikan bagi menyelesaikan isu gaji yang hangat diperbincangkan, sejak kebelakangan ini.

Beliau berkata, walaupun persetujuan itu hanya pada dasarnya, NUPW berharap kerajaan mempercepat rundingan dengan majikan dan kesatuan supaya nasib pekerja ladang terbela.

Katanya, kenyataan Dr Mahathir menandakan kerajaan mengambil berat kebajikan pekerja ladang yang banyak membangunkan ekonomi negara terutama ketika negara mengalami kegawatan ekonomi.

"Kami berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana memandang serius isu gaji pekerja ladang. Walaupun ia masih dalam perbincangan tetapi kesanggupan kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia membuat penyelidikan membuktikan pekerja ladang tidak diketepikan daripada menikmati pembangunan," katanya.

Beliau mengulas mengenai persetujuan kerajaan untuk melaksanakan sistem gaji bulanan kepada pekerja ladang.

Semalam, Dr Mahathir berkata, mengikut gaji harian sekarang,

pekerja ladang kadang-kadang menerima pendapatan tinggi dan ada kalanya rendah.

Katanya, gaji bulanan membolehkan pekerja berkenaan menerima gaji tetap sepanjang tahun tidak kira hujan atau tidak.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, apa yang perlu ditentukan sekarang ialah kadar gaji bulanan yang akan diberi itu perlulah secara purata supaya negara terus berdaya saing.

Mengulas perkara itu, Navamukundan berkata, NUPW tidak dapat memberi penjelasan Tanjung kerana perkara itu maaiah dibincangkan di Mahkamah Perusahaan. Isu gaji bulanan pekerja ladang dibangkitkan oleh Menteri Kerja Raya yang juga Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu kira-kira dua

bulan lalu, apabila NUPW dan Persatuan Pengeluar Perlanian Malaysia (Mapa) gagal mencapai kata sepakat walaupun mengadakan perbincangan sejak 10 tahun lalu.

Ekoran daripada itu, NUPW mengancam untuk mengadakan piket pada 9 dan 10 Mac lalu. Bagaimanapun, rancangan itu dibatalkan selepas kerajaan mengarahkan Kementerian Sumber Manusia menjadi orang tengah bagi menyelesaikan isu berkenaan.

Sehubungan itu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn mengarahkan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Malaya (UM) menjalankan kajian bagi mencari formula terbaik dan kesan pelaksanaan sistem gaji bulanan itu.